



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENANDATANGANAN

"MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN THE GOVERNMENT OF HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM AND THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF SINGAPORE ON AGRIFOOD AND AGRO-TECHNOLOGY COOPERATION"

Bandar Seri Begawan, Isnin, 08 Februari 2021 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ini telah menandatangani "*Memorandum of Understanding Between the Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Singapore on Agrifood and Agro-Technology Cooperation*"

Menandatangani Memorandum Persefahaman bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sementara Mr Lim Kok Thai, Ketua Pegawai Eksekutif *Singapore Food Agency* menandatangani bagi pihak Kerajaan Republik Singapura. Menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien, *Minister for Sustainability and the Environment, Singapore*, secara maya.

Antaralain objektif penandatanganan Memorandum Persefahaman ini adalah sebagai salah satu usaha ke arah mengukuhkan dan mengembanguaskan lagi kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam bidang agrimakanan dan agro-teknologi iaitu dalam kerjasama dan kolaborasi dalam hal-hal yang berkaitan dengan bidang pertanian, perikanan dan akuakultur, agro-teknologi, produktiviti, piawai dan kualiti yang bermanfaat dan memberikan faedah bersama, khususnya dalam aspek pembangunan kapasiti dan juga akses pasaran di antara kedua-dua belah pihak.

Turut hadir ke Majlis Penandatanganan itu adalah Tuan Yang Terutama Awang Heng Aik Yeow, Bakal Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan agensi-agensi yang berkenaan.

Terdahulu, sebelum Majlis Penandatanganan tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkesempatan mengadakan perjumpaan dua hala secara maya bersama Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien, *Minister for Sustainability and the Environment* dan juga Ketua Pegawai Eksekutif *Singapore Food Agency*, Mr Lim Kok Thai, yang mana juga turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap dan Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan Pemangku Pengarah Perikanan. Juga turut hadir adalah Tuan Yang Terutama Awang Heng Aik Yeow, Bakal Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 08 Februari 2021